

03 OCT 2003

MAHATHIR SOLAT JUMAAT DI MASJID A'ISHAH

LANGKAWI, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan Solat Jumaat bersama lebih 1,000 umat Islam di Masjid A'Ishah Sungai Menghulu di sini hari ini ditengah-tengah kesibukan beliau menghadiri acara Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA 2003).

Ketibaan Perdana Menteri yang diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain disambut anggota Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib, Anggota Dewan Undangan Negeri Padang Matsirat, Datuk Md Hassan Bulat, Pegawai Daerah Langkawi dan Rasli Basir.

Solat Jumaat diimamkan Pegawai Agama Daerah Langkawi, Sheikh Hazizan Mat Desa.

Jemaah yang hadir mengambil peluang bersalaman dan bergambar kenang-kenangan dengan pemimpin negara itu, yang akan bersara akhir bulan ini, sebaik sahaja Solat Jumaat selesai.

Dr Mahathir berada di sini sejak Selasa kerana merasmikan LIMA yang akan berakhir Ahad ini.

-- BERNAMA

ZI ZS BK